

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW

TARIKH : 12 MAC 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan projek yang telah dibantukan oleh PEMANDU.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI IDRIS JALA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Sedia maklum, peranan PEMANDU adalah menyelia pelaksanaan, menilai kemajuan, memudahcara serta menyokong penyampaian dan memacu kemajuan **Program Transformasi Kerajaan (GTP)** dan **Program Transformasi Ekonomi (ETP)** serta secara keseluruhannya menyelia Indeks Prestasi Utama (KPI) semua Menteri melalui MKRA.

Walaupun begitu, tanggungjawab penyampaian menyeluruh untuk keberhasilan Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) dan Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA) bergantung kepada Menteri yang berkaitan, dan kejayaan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) pula bergantung kepada sektor swasta. PEMANDU telah diberi mandat untuk menjadi pemangkin perubahan dalam penyampaian sektor awam dan swasta, menyokong kementerian dalam proses perancangan penyampaian dan menyediakan pandangan bebas berkaitan dengan prestasi dan kemajuan kepada Perdana Menteri dan Menteri-Menteri.

Program Transformasi Kerajaan (GTP)

GTP terus kekal menyentuh dan mengubah kehidupan rakyat Malaysia menerusi perluasan dan penyampaian pelbagai inisiatif; disokong dengan metodologi Keberhasilan Besar yang Pantas (Big Fast Results). GTP juga menerajui inisiatif transformasi sosial yang penting untuk mengubah perkhidmatan awam kepada sebuah pentadbiran yang dinamik, inovatif dan berfokuskan masyarakat menerusi 7 Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Bidang Keberhasilan Utama

Kementerian (MKRA) bagi menghasilkan perubahan melalui pelaksanaan program pembangunan dan sistem penyampaian perkhidmatan. 7 Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang dimaksudkan adalah:

1. Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar
2. Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar
3. Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah
4. Mengurangkan Jenayah
5. Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar
6. Menangani Kos Sara Hidup
7. Membanteras Rasuah

Fasa pertama GTP 1.0 merupakan satu kejayaan cemerlang dengan 121 peratus KPI berjaya dicapai pada tahun 2010. Fasa kedua dalam pelaksanaan NKRA melalui GTP 2.0 bertujuan memperdalamkan dan meningkatkan inisiatif transformasi yang dimulakan pada fasa pertama. Pada tahun 2013, KPI yang dicapai melalui GTP2.0 adalah 104 peratus. Butiran kejayaan setiap keberhasilan NKRA dari tahun 2010 sehingga 2013 diperincikan di dalam laporan tahunan semasa.

Hasilnya, inisiatif GTP telah berjaya meningkatkan taraf hidup semua lapisan masyarakat dalam kehidupan seharian mereka. Ini terbukti dengan penambahbaikan sistem pengangkutan dan peningkatan keselamatan serta akses kepada pendidikan yang berkualiti. Kerajaan juga melalui GTP komited menyediakan keperluan asas di luar bandar serta menyediakan peluang ekonomi.

Program Transformasi Ekonomi

Bagi membolehkan Malaysia merealisasikan potensi ekonomi sebenar, ETP menginstitusikan perubahan sosioekonomi dengan memfokuskan pembangunan 12 buah industri utama yang terpilih bagi sektor swasta, atau Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), dan melonjakkan daya saing global Malaysia menerusi pelaksanaan 6 Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI). Pelaksanaan NKEA dipantau oleh Kementerian / Kementerian yang berkaitan, yang menyelaras, memantau dan menjejaki kemajuan sektor. Untuk merealisasikan pertumbuhan yang diterajui oleh sektor swasta, setiap NKEA menawarkan penglibatan sektor swasta dengan meneroka bidang pertumbuhan baru, dan Peluang Perniagaan (BO), yang membolehkan sektor itu lebih tinggi dalam rantai nilai melalui Projek Permulaan (EPP).

Hasilnya, selepas 3 tahun pelaksanaan ETP, **sejumlah 196 projek-projek telah dilancarkan di bawah NKEA**, mencakupi sejumlah RM219.3 bilion pelaburan komited sejak tahun 2011. Telah dijangka ia mampu menjana RM143.5 bilion dalam PNK dan mencipta 437,816 peluang pekerjaan baharu sehingga akhir 2013. Malahan, pelaburan sektor swasta telah mencecah 61 peratus daripada jumlah pelaburan setakat tahun 2013. Momentum yang berterusan dalam pelaburan sektor swasta telah mewujudkan peluang pekerjaan melalui pertumbuhan PNK per kapita pada 2013, yang telah meningkat kepada **USD\$10,060** daripada USD\$7,059 pada tahun 2009, iaitu pertumbuhan sebanyak **42.52** peratus dalam tempoh tersebut. Malahan, sepanjang 2010-2013, kita telah merekodkan 1.3 juta pekerjaan dalam ruang lingkup NKEA lantas meletakkan kita di landasan yang kukuh.

Ini adalah selari dengan matlamat negara untuk melonjakkan Pendapatan Negara Kasar Per Kapita (PNK) Malaysia kepada USD\$15,000, mencipta 3.3 juta peluang pekerjaan baharu dan menarik pelaburan berjumlah USD\$444 bilion menjelang 2020.

Sekian, terima kasih.